

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]
TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)
SOALAN : Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan semula Skim Insurans Pertanian yang pernah dirangka bagi melindungi dan sekaligus membantu golongan petani yang menghadapi kemasuhan produk pertanian ekoran cuaca dan masalah lain seperti serangan makhluk perosak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan nasib petani, penternak dan pengusaha terus dibela, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memutuskan supaya pelaksanaan Skim Takaful Padi bagi pengusaha sawah berskala kecil ini tidak diteruskan memandangkan liputannya terhad kepada pengusaha sawah kecil sedangkan sesuatu bencana turut menjelaskan sektor-sektor pertanian yang lain termasuk penternakan, perikanan dan sebagainya. Selain itu, masalah pelaksanaan skim tersebut ialah pembayarannya berdasarkan kepada Indeks Hasil Pengeluaran Kawasan yang mana apabila hasil pengeluaran keseluruhan kawasan terjejas tidak melebihi 20%, maka bayaran pampasan tidak akan dibayar walaupun mereka menerima bantuan sebelum ini di bawah Bantuan Wang Ehsan.

Sebagai alternatifnya, Kementerian ini mewujudkan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan yang lebih fleksibel di mana bantuan akan dapat disalurkan dengan lebih cepat kepada mereka yang terlibat. Pelaksanaan Tabung ini juga dilihat lebih menyeluruh kerana ianya meliputi subsektor tanaman, ternakan veterinar, ternakan akuakultur dan industri asas tani bagi membantu petani, penternak dan pengusaha berskala kecil memulihkan semula projek mereka yang terjejas akibat bencana.